

## KENYATAAN MEDIA

### SEDANIA ke arah keuntungan tahun kewangan berturut-turut

Catat keuntungan untuk 6 suku tahun berturut-turut

---

#### Sorotan Utama:

- Untung bersih RM656,000, pendapatan RM9.1 juta bagi suku 2QFY22
- Segmen 'Sustainable Healthcare' catat pertumbuhan kukuh dengan lebih 11% hasil pendapatan tahun ke tahun pada 2QFY22, disokong oleh peningkatan nilai eksport sebanyak 20% dalam tempoh 6 bulan 2022
- 'Sustainable Energy' capai kemajuan pelaksanaan projek agar lebih banyak penyiapan dapat dijangkakan pada separuh kedua 2022

**Kuala Lumpur, OGOS 30, 2022** - Sedania Innovator Berhad ("SEDANIA") kekal ke arah mencatat keuntungan untuk dua tahun kewangan berturut-turut setelah mencatatkan keputusan kewangan yang kukuh pada suku tahun kedua berakhir 30 Jun 2022 (2QFY22), dipacu oleh sumbangan daripada segmen 'Sustainable Healthcare', 'Sustainable Energy' dan 'FinTech'.

SEDANIA mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM656,000 pada 2QFY22, meningkat 29% daripada RM510,000 pada suku sebelumnya, namun lebih rendah daripada RM3.2 juta yang dicatatkan pada suku yang sama tahun lepas disebabkan pelaksanaan tertangguh projek-projek di bawah segmen 'Sustainable Energy'.

Namun begitu, kemajuan pelaksanaan projek 'Sustainable Energy' adalah di landasan yang lebih baik dan dijangka penyiapan projek adalah lebih tinggi pada separuh kedua 2022. Ini disokong oleh nilai tempahan projek (order book) yang semakin meningkat untuk 18 bulan akan datang.

Segmen ini mencatatkan keuntungan operasi sebelum cukai sebanyak RM714,000 pada 2QFY22 berbanding RM1.8 juta bagi suku tahun yang sama tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Daniel Ruppert berkata, "Pendapatan daripada segmen 'Sustainable Energy' adalah lebih rendah pada suku semasa kerana projek kecekapan tenaga masih dilaksanakan dan kami menjangkakan pengiktirafan pendapatan dapat direkod pada separuh tahun kedua 2022.

Kami mempunyai senarai projek kecekapan tenaga yang bermanfaat untuk dimulakan dan diselesaikan, di samping mengekalkan dialog aktif dengan pelbagai syarikat multinasional dan perbankan yang ingin melestarikan amalan kecekapan tenaga mereka. Oleh yang demikian, kami optimis tentang keupayaan segmen ‘Sustainable Energy’ untuk menjana pendapatan yang lebih kukuh malah berpotensi memperoleh kontrak baharu pada separuh tahun kedua.”

Segmen ‘Sustainable Healthcare’ menyumbangkan pendapatan sebanyak RM7.1 juta pada 2QFYE22, meningkat 11% berbanding RM6.4 juta setahun lalu, dirangsang oleh permintaan yang lebih tinggi untuk produk mesra alam. Walaubagaimanapun segmen ini mencatatkan keuntungan operasi sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM854,000 pada suku semasa. Keuntungan menurun disebabkan kos jualan, pemasaran dan promosi yang lebih tinggi, serta kos gaji dan faedah pekerja meningkat disebabkan pengambilan lebih ramai pekerja untuk menyokong pertumbuhan perniagaan.

Pendapatan segmen ‘FinTech’ sebanyak RM1.2 juta pada suku semasa adalah 8% lebih tinggi daripada suku sama tahun sebelumnya. Ia didorong oleh peningkatan trafik daripada platform Tawarruq segmen tersebut. Keuntungan operasi sebelum cukai meningkat 15% kepada RM371,000 pada suku semasa berbanding RM322,000 pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2022 (1HFYE22), SEDANIA mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM1.2 juta dan pendapatan sebanyak RM18.1 juta, didorong oleh permintaan kukuh untuk produk ‘Sustainable Healthcare’ dan penyelesaian ‘FinTech’.

Pendapatan segmen ‘Sustainable Healthcare’ meningkat 23% kepada RM14.4 juta dalam 1HFYE22 daripada RM11.7 juta setahun yang lalu manakala sumbangan pendapatan bahagian ‘FinTech’ meningkat 13% kepada RM2.4 juta daripada RM2.1 juta.

Walaubagaimanapun, prestasi positif daripada kedua-dua segmen serta pendapatan stabil yang direkodkan daripada segmen ‘TelcoTech’ sebahagiannya diimbangi oleh sumbangan pendapatan yang lebih rendah daripada segmen ‘Sustainable Energy’ sebanyak RM179,000 pada 1HFYE22 berbanding RM12.9 juta setahun lalu.

Mengenai prospek SEDANIA, Pengasas dan Pengarah Urusan Datuk Azrin Mohd Noor mengulas, “SEDANIA telah menjadi penyokong kukuh amalan kelestarian dengan menceburi perniagaan yang mengutamakan matlamat kemampanan, jauh sebelum amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) mendapat perhatian dalam dunia korporat.

Kami berada di kedudukan yang strategik untuk mencatat trajektori pertumbuhan kukuh masa hadapan. Kami bukan sekadar organisasi yang mematuhi piawaian ESG, kami juga adalah pengamal ESG merentasi keseluruhan spektrum perniagaan. Segmen Sustainable Energy dan Sustainable Healthcare SEDANIA memainkan peranan penting dalam mengurangkan jejak karbon secara berkesan, di samping menarik minat pelabur yang menumpukan pada pelaburan mampan.”

Datuk Azrin menekankan bahawa pengaruh kelestarian SEDANIA melangkaui Malaysia kerana jenama mesra alam ‘Sustainable Healthcare’, *Offspring* telah menembusi pasaran 23 buah negara setakat ini dan ia semakin meningkat.

Dengan pengguna-pengguna semakin mementingkan pemeliharaan alam sekitar, produk-produk mesra alam *Offspring* seperti kain lap basah terbiodegradasi sepenuhnya, pembersih tangan etanol berasaskan tumbuhan yang mengambil kira keselamatan kanak-kanak kecil, serta rangkaian keperluan isi rumah yang mesra alam, memenuhi keinginan pasaran prestij besar-besaran (mass prestige) yang secara tidak langsung meningkatkan prospek pertumbuhan kumpulan SEDANIA.

Datuk Azrin menyimpulkan, “Kami yakin SEDANIA dapat meneruskan momentum untuk mengakhiri tahun kewangan dengan positif. Segmen-segmen ‘Sustainable Energy’, ‘Sustainable Healthcare’ dan segmen lain kami berada di kedudukan strategik untuk mencatat pertumbuhan selanjutnya. Ini membuktikan daya tahan model perniagaan enjin pertumbuhan berbilang SEDANIA, yang mengurangkan pendedahan risiko tunggal dan memastikan pertumbuhan berterusan sambil menyokong inisiatif ESG pada skala yang lebih besar.”.

- Tamat -

\*\*\*\*\*

## Mengenai Sedania Innovator Berhad

Sedania Innovator Berhad adalah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan yang lestari. Sejak penyenaaraiannya pada 2015 di ACE Market di Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

Sedania melabur dalam kelestarian tenaga masa hadapan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, Sedania menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 150 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 20 negara di seluruh dunia.

*Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.*

Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620

E-mel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)